

22 Ogos 2019 (Khamis)

# Matrix Concepts sasar ulangi prestasi cemerlang

Matrix Concepts Holdings Bhd., yang menyaksikan pendapatannya mencecah lebih daripada RM1 bilion buat pertama kali dalam tahun kewangan sebelum ini, yakin meneruskan pertumbuhan pada tahun semasa walaupun sektor hartanah sedang berhadapan dengan banyak cabaran.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin, berkata pemaju hartanah dari Negeri Sembilan itu yang meraih pencapaian terbaik dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2019, mengukuhkan lagi rekod pertumbuhan konsisten sejak penyeraian dan sentiasa memberikan pulangan yang besar kepada pemegang saham.

"Prestasi yang memberangsangkan ini telah didorong oleh peningkatan jualan harta tanah kami termasuk pelancaran beberapa tawaran yang terdiri

daripada hartanah mampu milik serta sederhana mewah di Negeri Sembilan dan Johor.

"Memandangkan permintaan yang kukuh, kami yakin prestasi kami akan diteruskan dalam tahun kewangan semasa (tahun kewangan 2020)," katanya kepada media selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Seremban, semalam.

Keuntungan bersih kumpulan bertambah kepada RM218.4 juta di atas pendapatan berjumlah RM1.05 bilion pada tahun kewangan 2019, berbanding RM213.3 juta pada tahun sebelumnya.

Ini menyokong pembayaran dividen sebanyak RM97.1 juta yang membentuk 44.6 peratus daripada keuntungan bersih bagi tahun berkenaan.

Sementara itu, jualan hartanah baharu kumpulan juga berjaya mencapai rekod sebanyak RM1.3 bilion pada tahun



**Mohamad Haslah (tengah)** bersama Naib Pengurus Eksekutif Kumpulan MCHB, Datuk Lee Tian Hock (kanan) dan Pengarah Urusan Kumpulan MCHB, Ho Kong Soon melihat laporan selepas mesyuarat agung tahunan di Seremban, semalam.

(Foto BERNAMA)

kewangan 2019, naik 9.7 peratus daripada RM1.2 bilion sebelum ini.

Mohamad Haslah berkata, Matrix memiliki barisan pelancaran baharu yang bernilai RM1.4 bilion bagi tahun kewangan 2020, terdiri daripada harta tanah di Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan serta Bandar Seri Impian, Johor, untuk segmen pasaran umum, yang akan menyokong prestasi dalam tahun akan datang.

Ia melancarkan 2.600 harta-

nah kediaman dan komersial dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM1.46 bilion pada tahun kewangan 2019.

Kumpulan juga sedang mengintai peluang bagi membuat perolehan strategik ke atas simpanan tanah dalam tahun kewangan 2020.

Dil samping itu, ia akan terus meningkatkan kemampuan jangka panjang melalui kerjasama strategik dan mempelbagaikan lagi, asas pendapatannya.

BERNAMA